

22/04/1999

Laporan akhbar tidak berasas

KUALA LUMPUR, Rabu - Akhbar Washington Post diselar kerana menyiarkan sebuah artikel di bawah tajuk Mr Mahathir's Disgrace pada 19 April lalu.

Sambil melahirkan rasa terkejutnya terhadap apa yang disifatkannya sebagai sebuah artikel yang 'memalukan', penasihat korporat Kumpulan Sungei Way, Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata akhbar itu sekurang-kurangnya harus bersikap profesional dengan menulis berasaskan fakta sekalipun "ia mempunyai agenda tersembunyi yang perlu memenuhi dasar sidang pengarangnya."

Dalam satu kenyataan mengulas artikel itu, Navaratnam berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang jauh daripada berasa 'aib' seperti yang disebut oleh Washington Post, malah muncul sebagai seorang pemimpin antarabangsa yang berani dan telah menyelamatkan Malaysia daripada bencana ekonomi, sosial, politik dan huru hara perkauman dalam masyarakat pelbagai kaum dan pelbagai agama di negara ini.

"Dengan menolak rumusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang menyebabkan penderitaan dan ketidakstabilan sosial tidak terhingga di Asia, Brazil dan Rusia, rakyat Malaysia terus menikmati keamanan dan kestabilan tanpa melalui penyusunan semula yang menyakitkan dan memusnahkan seperti yang dianjurkan IMF," katanya.

Beliau berkata, banyak pelabur dan penganalisis kewangan terkemuka Amerika Syarikat kini mengakui bahawa ekonomi Malaysia bukan saja sedang pulih, malah mungkin menjadi ekonomi pertama yang pulih, mendahului negara-negara yang dibantu IMF.

Malah, institusi kewangan pelbagai hala seperti Bank Dunia, IMF dan Bank Pembangunan Asia sendiri sudah menyatakan ekonomi Malaysia sedang pulih, katanya.

"Dengan yang demikian, nampaknya Washington Post memalukan dirinya sendiri dengan sikapnya yang tidak profesional," katanya. - Bernama

(END)